

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 6/1985**

=====

**KADAR DENDA LEWAT BAGI HAKMILIK-HAKMILIK YANG TERLIBAT
DENGAN BAYARAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN**

Tujuan arahan ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah mengenai kadar denda lewat yang patut dikenakan bagi hakmilik-hakmilik yang terlibat dengan bayaran tunggakan cukai tanah secara ansuran.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, kadar denda lewat yang diperuntukkan di bawah kaedah 17, Kaedah-kaedah Tanah Selangor 1966 telah dipinda dan tarik kuatkuasanya bermula dari 1/1/1984. Di dalam Pekeliling PTG.Sel Bil. 2/1985 yang telah pun diedarkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah, contoh perkiraan yang terdapat di perenggan 3.4 adalah berdasarkan kepada kadar denda lewat yang baru, merangkumi tunggakan-tunggakan sebelum dan selepas 1/1/1984 iaitu tarikh kuatkuasa kadar denda lewat yang baru tersebut. Akan tetapi setelah merundingkan perkara ini dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Selangor maka adalah difikirkan bahawa lebih wajar sekiranya kadar denda lewat yang baru itu hanya dikenakan untuk tunggakan-tunggakan cukai tanah selepas 1/1/1984 sahaja, manakala bagi tunggakan-tunggakan cukai tanah untuk tahun-tahun sebelumnya hendaklah mengikut kadar denda lewat yang lama.

3. Dengan itu cara perkiraan bagi tunggakan cukai tanah secara ansuran yang akan digunakan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam lampiran Pekeliling ini.

4. Semua Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah ini adalah dimaklumkan bahawa cara perkiraan bagi bayaran tunggakan cukai tanah secara ansuran seperti terdapat di dalam perenggan 3.4. Pekeliling PTG.Sel.Bil. 2/1985 adalah dibatalkan dan digantikan dengan cara perkiraan yang terdapat di dalam pekeling ini.

T.T
(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

S.K PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

KETUA AUDIT CAWANGAN NEGERI SELANGOR

PTG.SEL 17/1/8

LAMPIRAN

**CONTOH PERKIRAAN PEMBAYARAN
TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN**

Hakmilik No. : EMR 2138 Kegunaan : Pertanian – Kelapa
 No.Lot/PT : 318 Luas : 4 ekar
 Mukim/Bandar/Pekan : 'x' Cukai Tahunan : \$28.00 (\$7.00 sehektar)

TAHUN	CUKAI TAHUNAN	TUNGGAKAN	JUMLAH	DENDA LEWAT	JUMLAH BESAR
1976	28.00	-	-	2.00	30.00
1977	28.00	38.00	58.00	5.00	63.00
1978	28.00	63.00	91.00	5.00	96.00
1979	28.00	96.00	124.00	6.20	130.20
(1) BAYARAN PERMULAAN	112.00	+		20.70 = <u>\$132.70</u>	
1980	28.00	130.20	158.20	8.00	166.20
1981	28.00	166.20	194.20	9.80	204.00
(2) ANSURAN PERTAMA	56.00	+		17.80 = <u>\$73.80</u>	
1982	28.00	204.00	232.00	11.60	243.60
1983	28.00	243.60	271.60	13.60	285.20
(3) ANSURAN KEDUA	56.00	+		25.20 = <u>\$81.20</u>	
1984	28.00	285.20	313.20	22.00	335.20
1985	28.00	335.20	363.20	-	366.60
(4) ANSURAN KETIGA	56.00	+		22.00 = <u>\$78.00</u>	

Keterangan :

- + Denda lewat dikira mengikut perengan 17 dalam Kaedah Tanah Selangor, 1966 dan angkanya dikenakan kepada 10 sen menurut Seksyen 96 (2) KTN kerana tanah ini adalah tanah desa. Untuk tanah bandar/pekan dikenakan kepada \$1.00.

- # Denda lewat pada atau sebelum 1.1.84 adalah dikira mengikut perenggan 17 dalam KaedahTanah Negeri Selangor, 1966 yang telah dipinda oleh Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan), 1983 menurut Warta Kerajaan Sel. P.U.13 bertarikh 12 April, 1984.
- Denda lewat tidak dikenakan kerana dalam contoh ini ke semua bayaran ansuran akan diselesaikan sebelum 1.6.1983. Tetapi jika diselesaikan pada atau selepas tarikh tersebut denda lewat hendaklah dikenakan.

Daripada perkiraan di atas, tuan punya tanah adalah dibenarkan untuk membuat 4 kali pembayaran iaitu:-

(1) Bayaran permulaan	\$132.70
(2) Ansuran Pertama (Februari 1985)	\$ 81.30
(3) Ansuran Kedua (Mac 1985)	\$ 93.10
(4) Ansuran Ketiga (April 1985)	<u>\$ 79.50</u>
	<u>\$386.60</u>

[Sekiranya notis tuntutan cukai Borang 6A KTN telah dikeluarkan, maka bayaran notis menurut perenggan 18 Kaedah Tanah Selangor, 1966 hendaklah dikutip]